

TEKS UCAPAN
YBHG DATO IR' HJ. ISMAIL BIN MD SALLEH
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN
PADA
24 MAC 2016

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH

TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan inayahNya, kita dapat sama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan, Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi bulan Mac tahun 2016 ini.

Garis Panduan Langkah-langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

2. Berikutan garis panduan penjimatan yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan, LLM telah mengambil langkah-langkah awal berkaitan dengannya. LLM telah melihat semula keperluan kerja-kerja pengubahsuaian seperti mengecat ruang pejabat, menaik taraf bilik dokumen, membina bumbung polikorbinat pejalan kaki, membaik pulih padang LLM, pembinaan lereng runtuh di Wisma LLM dan penyelenggaraan akses pejabat. Sebahagian kerja-kerja tersebut akan ditangguhkan. Satu memo berhubung perkara ini telah diedarkan kepada bahagian-bahagian yang terlibat pada awal Mac yang lalu.

3. LLM juga akan menyemak semula belanjawan mengurus 2016 pada pertengahan tahun ini. Sebagai persediaan awal mulai sekarang, setiap bahagian hendaklah membuat semakan bagi keperluan belanja mengurus bahagian masing-masing.

Penangguhan Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Berkursus Tujuh Hari Setahun Bagi Anggota Perkhidmatan Awam

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Selaras dengan langkah merasionalisasikan Perkhidmatan Awam serta mengoptimumkan perbelanjaan agensi-agensi kerajaan, pelaksanaan dasar berkursus tujuh (7) hari setahun bagi semua anggota Perkhidmatan Awam seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 tahun 2005 “Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam” adalah ditangguhkan. Penangguhan penguatkuasaan ini adalah bagi memberi ruang kepada semua agensi Kerajaan menyusun semula kursus-kursus di bawah Pelan Operasi Latihan (POL) mengikut keutamaan dan keperluan anggota berdasarkan kepada keupayaan kewangan agensi-agensi Kerajaan.

5. Sehubungan dengan itu, pencapaian pelaksanaan jumlah hari berkursus setiap anggota dan prestasi perbelanjaan peruntukan latihan oleh semua agensi juga tidak akan diambil kira sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) semua Jabatan.

6. Dalam hal ini, LLM melalui mesyuarat kajian semula pengurusan telah memutuskan bagi tahun 2016 setiap warga LLM perlu menghadiri 5 hari kursus. Walaubagaimanapun, sekiranya ada keperluan bagi kursus yang berkaitan bidang tugas warga LLM masih lagi digalakkan untuk membuat permohonan berkursus.

Program Branding Lembaga Lebuhraya Malaysia

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, usaha meningkatkan imej LLM berteraskan visi menjadikan LLM bertaraf dunia dalam pembangunan, pengurusan dan kawalseliaan lebuhraya akan diteruskan melalui program Branding.

8. Objektif utama program Branding LLM ini adalah, pertama mewujudkan pentadbiran yang cekap, berdisiplin dan pengamalan nilai-nilai murni dan etika melalui penambahbaikan berterusan. Kedua, merancang dan melaksanakan program Branding bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan imej LLM dan ketiga, mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu semasa yang memberi impak tinggi kepada LLM dan kesan positif serta nilai tambah kepada rakyat. LLM bersama-sama syarikat konsesi akan berganding bahu dalam menambah baik perkhidmatan lebuhraya disamping memantapkan lagi 'public engagement' samada di peringkat pembinaan, penyelenggaraan dan kawalseliaan lebuhraya.

9. Program Branding ini telah dimulakan dengan program pertamanya iaitu pada 14 Mac 2016 yang lepas, LLM bersama syarikat konsesi telah melancarkan Buku Panduan Keselamatan & Kesihatan Pekerja di Tapak Bina dan Aktiviti Mega ToolBox Talk di Tapak Projek Tun Razak Link (DUKE Fasa 2).

10. Mega Toolbox Talk merupakan salah satu inisiatif LLM bagi memastikan penglibatan pengurusan tertinggi di dalam sesuatu projek pembinaan dan dapat menzahirkan komitmen serta tanggungjawab terhadap keutamaan dalam aspek keselamatan dan kesihatan. Program ini perlu diadakan secara berkala dengan penglibatan semua pekerja. Pihak Majikan perlu menjadi '*champions of safety*' kepada pekerja di semua peringkat. Budaya kerja yang selamat dan sihat perlu diterapkan pada setiap masa. Di dalam program *Mega Toolbox Talk* ini, pengurusan tertinggi syarikat konsesi perlu memberi taklimat dan motivasi kepada semua pekerja bagi menggalakkan budaya kerja yang selamat dan sihat dalam proses kerja. Majikan selaku pihak yang mewujudkan peluang pekerjaan dan yang mewujudkan risiko perlu mengambil tanggungjawab ini sepertimana yang termaktub di dalam Seksyen 15 Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994.

11. Seperti mana pembentangan KPI LLM 2016, satu daripada KPI adalah program Branding LLM untuk meningkatkan imej dan komunikasi berkesan. Terdapat 10 program telah dirangka sepanjang tahun 2016 bagi menjayakan program Branding yang memerlukan penglibatan semua pihak :

- i. Program Engagement Dengan Pihak Blogger Dan Rakankkr
- ii. Program Engagement Dengan Orang Awam/ Pelantikan Graduan Baru Dalam Industri Lebuhraya
- iii. Program Engagement Dengan Pihak Media
- iv. Penerbitan Artikel berkaitan dengan industri Lebuhraya, penggunaan teknologi dan isu-isu semasa berkaitan dengan lebuhraya

- v. Penerbitan Video Mengenai Pembinaan Projek Lebuhraya/Penggunaan Teknologi Dalam Industri Lebuhraya)
- vi. INFOGRAFIK Mengenai Industri Lebuhraya Bertol
- vii. Program Bersama Pelanggan
- viii. Mesyuarat berkala dengan syarikat-syarikat konsesi 2 kali setahun
- ix. Mengkaji prosidur sedia ada bagi mengurangkan birokrasi terutama yang berkaitan dengan rakyat.
- x. Penyelesaian aduan awam daripada BPA

Pembukaan Persimpangan Bertingkat Kajang Utama, Lebuhraya SILK, pada 10 Mac 2016

12. Selain itu, baru-baru ini Kerajaan telah merealisasikan satu daripada janji-janjinya untuk kesejahteraan rakyat iaitu Pembukaan Persimpangan Bertingkat Kajang Utama pada 10 Mac 2016. Persimpangan Bertingkat Kajang Utama ini merupakan inisiatif untuk memudahkan perjalanan penduduk sekitar kawasan tersebut yang rata-ratanya merupakan pengguna Lebuhraya SILK. Melalui peruntukan RMK10 yang telah diluluskan oleh kerajaan, kos projek sebanyak RM22.4 juta yang merangkumi kos pembinaan dan perundingan telah dibelanjakan bagi pelaksanaan projek ini. Pembinaan projek yang dipantau oleh LLM ini telah bermula pada awal 2014 dengan mengambil masa tempoh pembinaan selama 24 bulan dan telah siap pada akhir Januari 2016 lalu.

13. Sebelum ini, penduduk di sekitar Taman Kajang Utama terpaksa melalui Persimpangan Jalan Reko, Lebuhraya SILK untuk ke Bandar Kajang atau ke arah Semenyih / Sg. Long, manakala perjalanan dari Bandar Kajang

ke Taman Kajang Utama perlu melalui pusingan-u di Leburaya SILK. Penduduk terpaksa melalui perjalanan yang lebih jauh dan berhadapan dengan kesesakan di sekitar Persimpangan Jalan Reko pada setiap hari terutamanya pada waktu puncak iaitu pagi dan petang.

14. Dengan adanya persimpangan bertingkat ini, ia dijangka akan mengurangkan kesesakan lalu lintas di Persimpangan Jalan Reko dan dapat menyuraikan kepadatan trafik sedia ada. Dalam keadaan trafik yang lancar, tempoh masa perjalanan untuk ke Kajang Utama dari arah Kajang dan Putrajaya dapat dijimatkan sehingga 5 minit dengan pengurangan jarak perjalanan sebanyak 4km, manakala bagi perjalanan dari Kajang Utama menghala ke arah Semenyih dan Sungai Long tempoh perjalanan dapat dijimatkan sehingga 8 minit dengan jarak perjalanan 4 km lebih pendek.

15. Pembukaan persimpangan ini secara tidak langsung dapat memberi banyak manfaat kepada hampir 25,000 pengguna lebuhraya di kawasan sekitar. Antara penduduk sekitar yang bakal mendapat manfaat daripada persimpangan ini adalah penduduk di Taman Kajang Sentral, Taman Kajang Utama, dan Taman Seri Mewah serta kawasan pembangunan baru iaitu Bandar Kajang 2.

Isu Parlimen 1 : Status Terkini Projek EKVE

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

16. Perjanjian konsesi untuk projek Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur EKVE ('East Klang Valley Expressway') telah ditandatangani pada

13 Februari 2013. Perjanjian konsesi ini telah berkuat kuasa pada 12 Februari 2015, iaitu setelah syarikat konsesi berjaya memenuhi syarat-syarat duluan atau 'condition precedent' yang ditetapkan Kerajaan.

17. Jajaran lebuh raya sepanjang 24.2km ini bermula dari persimpangan Sungai Long (berhampiran plaza tol SILK) menghala ke timur melalui pinggir kawasan Bandar Mahkota Cheras dan merentasi Jalan Hulu Langat (FT3210) dan seterusnya merentasi Hutan Simpan Ampang dan berakhir di MRR2 melalui Jalan Ukay Perdana. Pada masa kini kerja-kerja pembinaan telah dimulakan – iaitu melibatkan Pakej 3 di kawasan Ukay Perdana. Kemajuan fizikal semasa sehingga 1 Mac 2016 ialah 4%.

18. Manakala pelaksanaan untuk Pakej 1 (Sungai Long) dan Pakej 2 (Hulu Langat) dirancang akan dimulakan pada pertengahan tahun 2016 ini. Keseluruhan projek EKVE dirancang siap pada akhir tahun 2019.

Isu Parlimen 2 : Had Laju Lebuh Raya

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Cadangan semakan semula kadar had laju di lebuh raya dengan mencadangkan had laju dinaikkan kepada 130km/jam untuk lorong ketiga atau 'fast lane'.

20. Untuk makluman, kriteria penetapan had kelajuan kenderaan di jalan raya dan lebuh raya negara ini ditentukan oleh faktor-faktor seperti reka bentuk geometri jalan, kepadatan aliran trafik dan tahap risiko kemalangan.

Faktor-faktor ini diambil kira bagi memastikan reka bentuk sesuatu jalan raya atau lebuhraya itu memenuhi piawaian.

21. Di samping itu aspek keselamatan juga merupakan antara faktor utama dalam menentukan had kelajuan di sesuatu lokasi, seperti di kawasan berkepadatan tinggi, kawasan menghampiri plaza tol, susur keluar masuk, laluan mendaki, kawasan angin lintang dan sebagainya. Oleh itu untuk mengurangkan risiko berlaku kemalangan, had laju di kawasan-kawasan itu perlu dikurangkan berbanding had laju kebangsaan yang diwartakan – iaitu 110km/jam untuk lebuhraya antara bandar; 90km/jam untuk lebuhraya dalam bandar; dan 90km/jam untuk jalan persekutuan.

22. Untuk makluman, lebuhraya – lebuhraya di negara ini telah direka bentuk berdasarkan standard dan piawaian antarabangsa. Antara kriteria utama reka bentuk lebuhraya ialah had laju reka bentuk. Sebagai contoh had laju reka bentuk Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) ialah 120 km/jam sahaja. Justeru itu parameter-parameter geometri lebuhraya seperti selekoh ('curve'), 'super elevation', 'transition curve' dan 'gradient' adalah berasaskan kepada 120 km/jam. Sekiranya had laju lebuhraya dinaikkan ke 130 km/j, parameter-parameter geometri lebuhraya tersebut tidak lagi sesuai dan ini berbahaya kepada pengguna.

Kubina

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Jabatan Kerja Raya (JKR), Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) dan Pertubuhan Wanita Industri Binaan Malaysia (WIBM) akan menganjurkan Konvensyen Usahanita Binaan (KUBINA) 2016. KUBINA merupakan platform bagi wanita professional di dalam industri binaan untuk bersatu dalam menjayakan pembangunan negara. Objektif utama KUBINA adalah:

- i. Mendengar suara wanita dan memperkasakan mereka dalam industri pembinaan;
- ii. Mentransformasi budaya dan strategi kerja wanita untuk maju dalam industri pembinaan; dan
- iii. Memperkasa maklumat, idea dan inovasi baru dalam industri pembinaan.

24. Penganjuran konvensyen ini yang bertemakan 'Wanita Pemacu Kelestarian Negara' akan berlangsung pada 14 April 2016 (Khamis) bertempat di Dewan MATRADE Kuala Lumpur. Sasaran penyertaan adalah wanita profesional dari pelbagai profesion, organisasi dan latar belakang.

25. Ini adalah inisiatif Timbalan Menteri Kerja Raya. Saya amat berbangga dengan komitmen yang ditunjukkan urusetia penganjur dalam menguruskan penganjuran konvensyen ini. Saya difahamkan urusetia sedang bertungkus

lumus dalam mendapatkan penyertaan konvensyen, booth pameran dan tajaan buku program.

26. Saya yakin kita mampu menjadikan konvensyen KUBINA ini berjaya.

PENUTUP

27. Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Semoga kita beroleh manfaat dan pengetahuan yang berguna melalui perhimpunan pada pagi ini.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu"Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.